

NO SOALAN :27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.10.2014

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk memacu pertumbuhan ekonomi mampan dan menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang dinyatakan oleh YB Gombak, objektif penubuhan 1MDB adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi mampan dan menggalakkan

kemasukan pelaburan langsung asing (FDI). Objektif 1MDB ternyata berbeza berbanding dengan strategi sesebuah syarikat swasta yang mementingkan keuntungan. 1MDB ialah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dan segala keuntungan syarikat disalurkan secara langsung atau tidak langsung ke arah program yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Bagi mencapai objektif tersebut, secara amnya, 1MDB menggunakan pakai strategi dan kaedah seperti berikut:

- i. Melabur dalam projek-projek yang boleh membantu memacu inisiatif strategik untuk pembangunan mampan jangka panjang dan menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing; dan
- ii. Menggunakan rangkaian antarabangsa (*international networking*) bagi membawa masuk pelaburan langsung asing yang berpadanan untuk projek-projek Negara.